

09 FEB 2002

Abdullah-Ulama (Bergambar)

PAS KECAM UCAPAN PM UNTUK TIMBUL PERBALAHAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Kecaman PAS terhadap ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Forum Ekonomi Dunia di New York minggu lepas hanya bertujuan menimbulkan perbalahan antara golongan ulama dengan kepimpinan kerajaan dan Umno, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata Perdana Menteri tidak pernah menganggap ulama sebagai musuh ataupun memusuhi mereka.

"Ustaz Fadzil Noor (Presiden PAS) telah menghentam PM mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di New York telah membuat ucapan yang menghina ulama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Penceramah-penceramah Umno anjuran Biro Penerangan Umno di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

"PAS sekali lagi mahu menimbulkan isu ini. Mungkin mereka ini nampak macam ada satu niat dan tujuan iaitu untuk menimbulkan perpecahan atau perbalahan antara golongan ulama dengan kepimpinan Umno dan kerajaan," kata Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno.

Beliau mengulas laporan bertajuk "PAS Kecam PM Hina Ulama Depan Ariel Sharon" dalam Harakah, lidah rasmi PAS, keluaran terbaru bertarikh 16-28 Feb.

Fadzil dalam artikel itu dipetik sebagai berkata bahawa ucapan Dr Mahathir "sangat memualkan dan memalukan dirinya sendirinya serta umat Islam seluruh dunia apabila ia diucapkan di hadapan khalayak majoriti bukan Islam di Forum Ekonomi Dunia."

Abdullah berkata Perdana Menteri sering mengadakan perbincangan dengan golongan ulama di Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan pandangan mereka khususnya dalam menangani isu gejala sosial dan pendidikan Islam.

"Bukan panggil ulama-ulama Umno tetapi ulama yang tidak menjadi ahli Umno untuk berbincang dengan ikhlas tanpa ada pendirian atau agenda politik mereka dalam perbincangan itu. Ia amat membantu...", katanya.

Abdullah berkata apa yang Perdana Menteri katakan pada forum itu ialah wujudnya golongan ulama politik yang menggunakan ajaran Islam untuk menjayakan kepentingan politik masing-masing sehingga sanggup mengeluarkan fatwa dan tafsiran masing-masing sehingga menimbulkan perbalahan, kekeliruan dan pergaduhan di kalangan orang Islam.

Pandangan yang dikeluarkan pula tidak membawa kepada kebaikan dan secara umum, Dr Mahathir berkata kerana ulama politik sebeginilah yang menyebabkan negara-negara Islam tidak boleh mencapai kemajuan, katanya.

"Inilah yang Perdana Menteri cakap dan bukanlah yang menganggap keseluruhan semua ulama itu tidak baik, melainkan golongan (ulama politik) yang begini sahaja," katanya.

Abdullah berharap rakyat khususnya golongan ulama dapat memahami pandangan Dr Mahathir itu dan bukanlah juga menjadi niat atau pendekatan Perdana Menteri untuk memusuhi golongan ulama.

"Ulama yang baik, yang elok dan betul-betul alim yang dapat memberi sumbangan kepada kemajuan masyarakat sentiasa dihormati dan begitulah sikap Umno selama ini," katanya.

Menyentuh "perbalahan" antara Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan penulis-penulis artikel agama yang dituduh PUM sebagai menghina Islam, Abdullah berkata ia adalah satu tuduhan berat kerana Islam menggalakkan percambahan pemikiran mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan Islam, masa depan, masalah dan kedudukan masyarakat Islam.

Abdullah berkata perbincangan sedemikian bagi umat Islam dianggap sebagai baik kerana ada perkara yang berupa percanggahan pemikiran "tetapi kalau ia ditangani dengan baik, InsyaAllah ia akan membawa manfaat kepada umat Islam".

"Kita mesti mengambil sikap bahawa apa jua pandangan-pandangan kalaulah kerana pandangan itu berupa kritikan terhadap ulama, ia tidak boleh dianggap sebagai menghina Islam dan menghina ulama secara langsung," katanya.

Menurutnya tidak ada ulama yang sentiasa betul dalam setiap perkara sehingga tidak boleh ditegur.

Abdullah berkata pendekatan berbincang dan berdialog sepatutnya digunakan supaya apa yang dianggap berlainan yang boleh membawa mudarat kepada umat Islam dapat diperbetulkan.

"Sikap inilah yang patut diambil dan bukannya terus menutup mulut dan tidak ada peluang lagi untuk bercakap dan berbincang. Saya harap dengan pendekatan yang macam ini suasana dan hubungan umat Islam akan bertambah baik dan kita dapat meningkatkan fahaman bukan shaja tentang ajaran agama tetapi juga hubungan sesama umat," katanya

PUM baru-baru ini menghantar bantahan kepada Majlis Raja-raja kerana mendakwa segolongan penulis artikel agama telah menyeleweng dan tulisan mereka menghina ajaran Islam.

Antara penulis yang dibantah oleh persatuan itu ialah Pengarah Eksekutif Sisters in Islam, Zainah Anwar, Kassim Ahmad, Akbar Ali serta Farish A. Noor.

-- BERNAMA

HS AZZ NAK